

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [BAKRI]

TARIKH : 25 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

PUAN YEO BEE YIN [BAKRI] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan sama ada Kerajaan akan meneruskan usaha Kerajaan Pakatan Harapan untuk membentangkan Rang Undang-Undang Jerebu Merentas Sempadan ke Parlimen pada tahun ini sebelum musim kering dan berikan garis masa untuk RUU ini dibentangkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) telah meneliti kewajaran penggubalan RUU Jerebu Merentas Sempadan dari pelbagai sudut merangkumi kebolehlaksanaan undang-undang yang akan digubal, hubungan diplomatik dan elemen pencegahan pencemaran alam sekitar.
2. Berdasarkan penelitian yang telah dibuat, Kerajaan tidak akan meneruskan cadangan penggubalan Rang Undang-Undang Jerebu Merentas Sempadan. Perkara ini mengambil kira maklumbalas daripada pakar undang-undang bahawa tindakan undang-undang hanya dapat diambil terhadap syarikat milik/berkaitan Malaysia yang beroperasi di

luar negara sekiranya bukti jelas daripada negara yang menjadi punca jerebu merentas sempadan diperoleh.

3. Isu jerebu merentas sempadan tidak dapat diselesaikan hanya dengan penggubalan akta atau undang-undang. Kerajaan juga tidak mahu akta yang digubal berupa kosmetik sahaja tanpa mempunyai sebarang upaya untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas pesalah yang menyebabkan jerebu.

4. Kerajaan percaya, jalan yang lebih baik adalah bekerjasama dengan negara jiran dan semua negara anggota ASEAN untuk menangani masalah ini secara kolektif. Dalam hal ini, KASA akan melaksanakan pendekatan secara top down dan bottom up approach melalui hubungan diplomatik yang erat dan kerjasama teknikal bagi memantapkan lagi keupayaan teknikal antara negara khususnya dalam bidang penyelidikan, teknologi berkaitan pengurusan tanah gambut serta operasi pemadaman kebakaran. Perkara ini juga adalah selaras dengan Artikel 16 – Kerjasama Teknikal dan Artikel 17 – Kajian Saintifik, Perjanjian ASEAN mengenai Jerebu Merentas Sempadan yang menekankan perkongsian kepakaran teknologi, teknik dan pengetahuan serta menyokong pelaksanaan penyelidikan saintifik dan teknikal berhubung pengurusan kebakaran tanah gambut dan hutan serta kaedah pemadaman kebakaran yang berkesan.

5. Pendekatan ini dapat memperkukuh hubungan diplomasi dan mengeratkan hubungan baik yang telah terjalin antara Malaysia bersama negara anggota ASEAN terutamanya Indonesia dalam menangani isu jerebu merentas sempadan supaya ia dapat dicegah, dikawal dan ditangani dengan baik.

6. Selain itu, Kerajaan juga akan meneliti dan menambahbaik pelan komunikasi insiden jerebu merentas sempadan bagi memastikan penyampaian maklumat yang tepat, berkesan serta mengelakkan pertikaian yang mengeruhkan hubungan diplomatik Malaysia dengan negara jiran.

Sekian, terima kasih.